

MAJLIS PENUTUP KURSUS 'SENIOR TRAINER COURSE' (STC) SIRI 30/2019

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4945-majlis-penutup-kursus-senior-trainer-course-stc-siri-30-2019

TANJUNG BUNGAH, 2 Mei 19 - Di Institut Kepimpinan Dan Pengurusan (INSKEP) Pulau Pinang telah mengadakan Majlis Penutup Kursus 'Senior Trainer Course' Siri 30/19. Kursus ini telah dijalankan selama 4 minggu yang dihadiri 8 orang pegawai dan 15 orang LLP yang terdiri dari pelbagai Unit latihan di dalam TUDM.

Majlis Penutup kursus tersebut telah disempurnakan oleh Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM. Turut hadir di majlis tersebut Ketua Officer Leadership School (OLS) INSKEP, Kapt Mohd Firdaus bin Abd Aziz TUDM, Ketua Training Management School (TMS) INSKEP, Kapt Mohammad Amir Redzuan bin Dahlim TUDM dan staf INSKEP.



